

**Ekonomi ASEAN tumbuh 6.4%**  
**Utusan Online**  
**Ogos 08, 2011**  
**Daripada SAHARUDIN MUSTHAFA**

JAKARTA 8 Ogos - Negara-negara ASEAN dijangka mencatat pertumbuhan ekonomi antara 5.7 hingga 6.4 peratus tahun ini.

Angka pertumbuhan itu kata Presiden Susilo Bambang Yudhoyono, lebih tinggi daripada pertumbuhan ekonomi dunia sebanyak 4.5 peratus.

"Selain diramal menikmati pertumbuhan ekonomi yang baik, rantau Asia Tenggara juga telah membuktikan kemampuan berhadapan dengan ancaman krisis ekonomi global dalam beberapa tahun kebelakangan ini," kata Presiden Indonesia itu ketika berucap pada majlis sambutan ulang tahun ASEAN ke-44 di ibu pejabat Sekretariat ASEAN di sini hari ini.

Susilo berucap di hadapan lebih 300 tetamu yang terdiri daripada duta-duta besar ASEAN dan wakil pejabat ASEAN sempena Hari ASEAN yang disambut pada 8 Ogos setiap tahun.

ASEAN diasaskan pada tahun 1967 menerusi Deklarasi Bangkok yang ditandatangani oleh Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand.

Pada tahun 1984, ASEAN menyaksikan kemasukan Brunei Vietnam (1995), Laos dan Myanmar (1997) dan Kamboja (1999).

Dalam ucapannya, Susilo juga optimis ASEAN memiliki beberapa peluang unik untuk mengubah kawasan Asia Tenggara dan membentuk kerangka ekonomi Asia Pasifik selain memberikan sumbangan terhadap agenda global.

"Pertama, melalui pelbagai mekanisme dialog kerana berbeza dengan dengan sejumlah organisasi serantau lain, ASEAN telah muncul sebagai hab diplomatik yang sangat diperlukan di kawasan Asia-Pasifik," kata beliau.

Peluang tersebut katanya, telah menempatkan ASEAN dalam kedudukan yang sangat strategik untuk menjadi penggerak dan pembentuk isu-isu kawasan.

Peluang kedua, jelas Presiden Indonesia itu, menerusi kemampuan ASEAN menghadapi krisis ekonomi global dengan ramalan pertumbuhan ekonomi yang positif.

"Sementara peluang ketiga ialah ASEAN memiliki aset yang relevan dengan isu-isu global antara lain ASEAN memiliki hutan yang cukup, sumber daya alam dan komoditi, ruang maritim strategik dan sumber daya, populasi yang besar, budaya yang pelbagai serta masyarakat yang terbuka," sambung Susilo lagi.

Presiden Indonesia itu juga menggariskan peluang terakhir iaitu kemampuan ASEAN untuk muncul dengan pendapat kolektif yang mewakili kawasan dalam forum-forum antarabangsa yang secara langsung meningkatkan kemampuan ASEAN menyumbang pada penyelesaian isu-isu global. - Utusan

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0809&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek\\_02.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0809&pub=Utusan_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek_02.htm)